

Untuk eratkan hubungan dan mencari peluang pelaburan

Dr. M akan melawat ke beberapa negara

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melawat beberapa negara tahun ini untuk mengeratkan hubungan dan mencari peluang-peluang pelaburan baru dalam bidang perdagangan.

Malaysia juga dijangka membincangkan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dengan negara-negara berkenaan.

"Tahun ini saya bercadang melawat Jepun, Korea Selatan, Bangladesh, Sri Lanka, Maldives, Kuwait, Arab Saudi, Eropah Timur, mungkin juga Finland, Australia, New Zealand dan Mali," kata Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata beliau akan pergi ke dua atau tiga negara seren-

tak dalam setiap lawatan.

Katanya, lawatan pemimpin negara lain ke Malaysia adalah banyak dan beliau menerima jemputan balas untuk melawat negara-negara tersebut.

Katanya, mengikut adat timur, setiap lawatan itu hendaklah dibalas, tambahan pula jemputan-jemputan tersebut sudah lama diterima.

Lagipun, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, banyak peluang di bidang industri yang dapat diteroka dalam lawatan-lawatan itu.

Sebagai contoh, Perda-

na Menteri berkata, Finland menjemputnya sejak tahun 1977 lagi dan ada bidang kerjasama Malaysia-Finland yang dapat diteroka.

Tarikh semua lawatan belum ditetapkan, kecuali lawatan ke Jepun yang dijadualkan mulai 23 Januari ini, setelah jadual lawatan asal Ogos lalu ditangguhkan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau juga akan menghadiri Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali di New Delhi, Mac depan. Bagaimanapun, undangan rasmi belum diterima.

Perdana Menteri mengulangi pendirian Malaysia untuk membantu Mali, dalam konteks Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC).

Malaysia telah memberi bantuan beras kepada Mali dan akan membantunya dalam bidang lain, jika diperlukan.

Mengenai lawatan ke negara-negara Barat, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Kita mungkin ke sana, tetapi ada yang didahulukan dan ada pula yang dikemudiankan."

Beliau berpendapat, disebabkan negara-negara Barat selalu dikunjungnya, kini tumpuan utama ke negara-negara lain pula.

Datuk Seri Dr. Mahathir pernah melawat Itali, Perancis, Amerika, Jerman Barat, Switzerland dan England.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia